

SESI perasmian
disempurnakan
oleh Rasid
(empat dari kiri)
sambil
diperhatikan
oleh para
tetamu
kehormat.



Utamakan pembangunan agenda SMTE, kata Rasid

NST 9.11.2017 8
OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Pembangunan sistem pendidikan khususnya dalam bidang sains, matematik dan pendidikan teknologi (SMTE) yang memfokuskan kepada pembangunan agenda generasi baru perlu diberikan keutamaan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail berkata pembangunan sistem pendidikan merupakan aspek keutamaan yang mana memfokuskan kepada tenaga pengajar, guru dan penyelidik.

"Keutamaan dalam pembangunan agenda negara turut melihat aspek sains, matematik dan pendidikan teknologi kerana setiap tahun, pertambahan bilangan pelajar adalah meningkat.

"Hanya tenaga pengajar yang berkualiti dalam bidang ini (sains, matematik dan pendidikan teknologi) mampu membentuk ilmu yang diperlukan oleh para pelajar," katanya ketika hadir merasmikan Persidangan Antarabangsa Sains, Matematik dan Pendidikan Teknologi (SMTEC) kali ke-9 di Dewan Resital, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS), kelmarin.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata perkembangan teknologi yang pesat kini membawa kepada persaingan

dari segi ekonomi dan cabaran yang berlipat kali ganda perlu dihadapi untuk memartabatkan bidang SMTE.

"Selaku individu yang berdiri di bidang pendidikan, saya merasakan bahawa kurikulum pendidikan di universiti juga perlu bergerak seiringan dengan perkembangan SMTE bagi memastikan para pelajar mampu mendapat manfaat dari transformasi yang sedang kita lalui pada masa kini," katanya.

Jelas beliau lagi, usaha berterusan juga diperlukan bagi memastikan pencapaian holistik dalam kalangan generasi akan datang mampu diperkukuhkan seiring dengan nilai moral yang kukuh, bersemangat tinggi, patriotik dan memegang nilai serta prinsip ketuhanan.

Persidangan yang berlangsung selama lima hari bermula Selasa lalu sehingga Sabtu ini telah dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan dan Psikologi (FPP), UMS dengan kerjasama Universiti Curtin, Perth, Australia.

Selain itu, persidangan yang memfokuskan kepada sains, matematik dan pendidikan teknologi itu juga disertai oleh 120 peserta yang terdiri daripada guru bidang teknologi, warga pendidik dan guru serta penyelidik yang menjalankan kajian dalam SMTE.

Sebanyak 68 kertas kerja yang dihasilkan dikongsi dalam persidangan tersebut dan matlamat utama penganjuran adalah bagi membentuk nilai

perkongsian dan memperoleh idea baru dalam bidang SMTE yang boleh meningkatkan mutu pendidikan.

Terdahulu turut berucap, Pengerusi Persidangan, Prof. Madya Dr. Lay Yoon Fah yang mana beliau menzahirkan rasa bangga kerana penganjuran persidangan yang memfokuskan kepada SMTE itu mampu menjadi satu platform baru kepada peserta untuk mengukuhkan pengetahuan.

"Tema 'Mengukuhkan Sains, Matematik dan Pendidikan Teknologi untuk Generasi Masa Depan' adalah bersesuaian untuk persidangan kali ini kerana kita sedia-maklum kini kita dalam era Revolusi Perindustrian ke-4.

"Subtema dalam persidangan ini boleh diteliti dan difahami yang mana pengisiannya mampu menjadi batu loncatan kepada kita semua untuk membentuk perbincangan dan perkongsian yang bersesuaian dengan isu global dan persekitaran masa kini," jelasnya.

Turut hadir dalam acara tersebut ialah, Perantara Persidangan Universiti Curtin, Rekha Koul, Pengarah Kumpulan Penyelidik SMTE Universiti Curtin, Prof. John Williams, Pensyarah Kanan Fakulti Kemanusiaan Universiti Curtin, Dr. Susan Blackley, Pensyarah Kanan Sekolah Pendidikan SMTE, Dr. Rachel Sheffield, para pensyarah, peserta dan pelajar FPP, UMS.